

'Serikandi Muda' acara baru dlm Pesta Silat

Juncal silat.

20 NOV 1979

SATU acara baru akan disertakan dalam Pesta Silat Kebangsaan Ketiga anjuran Persekutuan Silat Singapura pada 30 dan 31 Disember ini di Panggung Negara.

Acara itu ialah Serikandi Muda yang dikhushuskan bagi gadis-gadis yang berusia antara 13 dengan 16 tahun.

"Kami telah menerima banyak permintaan dari golongan ini untuk mengambil bahagian dalam peraduan ini.

Bagaimanapun, mereka telah meminta agar acara itu dimasukkan dalam bahagian junior kerana mereka masih belum cukup matang dalam seni itu," kata setiausaha agung Persisi, Encik Johari Uriff.

Sejak pertandingan diadakan dua tahun lalu, gadis-gadis ini telah bertanding dalam bahagian Serikandi untuk wanita yang tidak mengenakan sekat umur peserta.

Peringkat-peringkat lain yang diperlombakan dalam pesta ini ialah Tunas Pendekar, Pendekar Muda, Pendekar dan Serikandi.

Tiket menonton

Seperti tahun-tahun sebelumnya, pertandingan ini terbuka kepada semua kerabat Persisi.

Tiket-tiket untuk menonton berharga \$1, \$2, \$3 boleh didapat dari rumah Persisi di Jalan Penggaga dan pertandingan akan dijalankan mulai 7.30 malam.

Tiket2 untuk

tandingan

22 NOV 1979

silat

percas silat

ORANGRAMAI yang ingin menyaksikan pertandingan silat peringkat akhir anjuran Perwanit dan tidak sempat membeli tiket dari tempat-tempat menjual tiket yang ditetapkan, boleh juga mendapatkan tiket-tiket itu dari tempat menjual tiket, Dewan Badminton Singapura, mulai 5.00 petang pada hari pertandingan.

Pertandingan peringkat akhir itu akan dimulakan pada 7.30 malam, 24 November ini. Tiket-tiket untuk menonton berharga \$1.00 satu.

Empat

jenis silat

dalam Juara Perseorangan '79

Juncal silat
KEHANDALAN, keaslian dan gaya gerak empat jenis silat akan ditunjukkan di Pertandingan Juara Perseorangan '79 Silat Gayung anjuran Perwanit di Dewan Badminton Singapura, Guillemard Road malam ini.

Pasukan Silat Sunda Gastrapis pula akan menunjukkan demonstrasi mereka.

Pertandingan yang bermula pada 7.30 malam Sabtu ini diserikan oleh empat jenis silat sebagai acara-acara pertandingan persahabatan iaitu antara Silat Esha Setiahati menemui Silat Sipitung dan Silat Cekak menemui Silat Kuntaw Melaka.

24 NOV 1979

Remaja

Empat bahagian yang akan bertanding pada malam tersebut terdiri dari bahagian wanita, Mariati Mahman dari Balai Rakyat Toa Payoh menentang Noorwina Mahmood dari Balai Rakyat Sennet. Bahagian Kanak-Kanak, A.Aziz Karim (Toa Payoh) menentang Sulaiman Ali (Sennet).

Bahagian Remaja, Ahmad Daud menentang Ibrahim Deros, keduanya dari Balai Rakyat Sennet dan bahagian dewasa pula Encik Md. Saini Fadzal (Jalan Penggaga) menentang Mustafa Saidi (Sennet).

Pengadil

Para pengadil di peringkat final ini terdiri dari jawatankuasa Majlis Guru-Guru dan Jurulatih Persisi, Encik-Encik Yahya Haji Bujang, Suip Selamat, Shakur Rais, Khalid Saad, Hosni Ahmad, Budin Seon dan Mohd. Din Mohamed.

Pengadil pertandingan



'Pendekar cilik' ini adalah salah seorang peserta Bahagian Kanak-kanak dalam Juara Perseorangan '79 Silat Gayung anjuran Perwanit.

24 NOV 1979

nya ialah Encik Hussein Kaslan seorang guru silat Seni Gayung Pasak dan Encik Buang Bahar, guru silat Gayung Perwanit.

Majlis pada malam itu nanti akan dirasmikan oleh presiden Perwanit sendiri, Encik Johari Haji Uriff.

Sementara tiket-tiket berharga \$1 boleh dibeli

dari sekarang menerusi setiausaha agungnya, Encik Sarkawi Haji Maksom di alamat No.20, Jalan Hormat atau di pejabat Persisi, No.3 Jalan Penggaga.

Orangramai juga boleh membeli tiket-tiket tersebut di Dewan Badminton, mulai 10.00 pagi ini hingga waktu pertandingan.